

Pendekatan Dakwah Institusi Kerajaan Dalam Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Etnik Melayu Di Tanah Melayu Pada Zaman Sebelum Kemerdekaan

Syahrul Faizaz Binti Abdullah

Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
faizaz@uum.edu.my

Ssuna Salim

ssunasalim@gmail.com
Syed Sultan Bee Pakeer Mohammed
Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
ss.bee@uum.edu.my

ABSTRAK

Kerajaan memainkan peranan penting dalam gerak kerja dakwah bagi memupuk perpaduan dalam kalangan penganutnya yang terdiri dari pelbagai etnik. Di mana pelaksanaan dakwah Islamiah oleh kerajaan Islam amat luas merangkumi penubuhan institusi seperti institusi pendidikan, sistem perundangan, sistem kehakiman Islam dan sistem ekonomi yang tidak hanya memberi kesan kepada orang Islam tetapi juga Orang bukan Islam. Walau bagaimanapun sejauh manakah pelaksanaan usaha dakwah tersebut dalam institusi-institusi berkaitan bergantung pada dasar dan polisi sesebuah kerajaan tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan pelaksanaan dakwah oleh kerajaan pada zaman kesultanan Melayu dan pada zaman penjajahan British dalam memupuk perpaduan Etnik Melayu. Kaedah analisis teks digunakan untuk menganalisis secara kritikal peranan kerajaan dalam memupuk perpaduan etnik. Hasil analisis mendapati pendekatan dakwah kerajaan menekankan kepada perpaduan orang Melayu melalui dasar dan sistem pentadbiran. Usaha dakwah dapat berkembang kerana Kerajaan Melayu telah menggunakan pelbagai pendekatan bersesuaian dengan kuasa politiknya. Keadaan berbeza, selepas penjajahan British, kuasa politik Negeri-negeri Melayu menjadi terbatas hingga mempengaruhi peranannya dalam memupuk perpaduan dalam kalangan orang Melayu.

Kata Kunci: Pendekatan Dakwah, Institusi Kerajaan, Perpaduan Etnik, Kesultanan Melayu, Penjajahan British

PENGENALAN

Islam adalah agama yang syumul, syariat Islam yang suci mengandungi pelbagai peraturan, hukum-hakam dan perundangan pada setiap aspek penciptaan, pembinaan dan pengislahan, dalam setiap kelompok masyarakat dan kehidupan, sama ada berkaitan dengan aqidah, ibadah dan akhlak atau berkaitan dengan pelbagai perundangan umum seperti masalah-masalah sivil, jenayah, peribadi, peraturan masyarakat serta perhubungan antarabangsa atau berkaitan dengan asas-asas hukum, kaedah-kaedah ekonomi atau dasar-dasar masyarakat (Abdullah Nasih Ulwan 2001 : 11). Manakala dakwah pula ialah cara untuk menyampaikan ajaran tersebut. Kenyataan ini menunjukkan bahawa usaha dakwah itu berperanan untuk penyebaran, kelangsungan dan kejayaan Islam. Justeru itu

dakwah dianggap usaha penyebaran Islam manakala Islam adalah agama dakwah (Badlihisam Mohd Nasir 2003).

Al-Quran telah menyatakan dengan jelas bahawa tanggungjawab menyampaikan seruan Islam ini bukan sahaja tanggungjawab individu atau organisasi tertentu, tetapi ia merupakan tanggungjawab setiap individu Muslim. Ini dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman dengan Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman)itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang-orang fasik. (Al-Quran Al^oImran 3:110)

Ini bermakna tanggungjawab dakwah adalah tanggungjawab setiap Muslim. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini memfokuskan pelaksanaan dakwah dalam bentuk organisasi. Pelaksanaan sebagai *da'i* atau pendakwah dipikul oleh ketua negara atau khalifah jika negara tersebut ialah negara Islam. Pelaksanaan ini dapat dilihat melalui usaha dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW selepas penubuhan kerajaan Islam yang pertama, baginda telah menyebarkan dakwah kepada orang bukan Islam di dalam dan luar Kota Madinah melalui utusan surat, hubungan diplomatik, jihad dan sebagainya. Pelaksanaan dakwah oleh kerajaan ini amat luas di mana ia merangkumi penubuhan institusi tertentu yang berperanan menjalankan usaha-usaha dakwah. Institusi ini boleh berbentuk agensi agama seperti masjid atau madrasah sebagai institusi pendidikan, sistem perundangan berlandaskan syariah, sistem kehakiman Islam dan sistem ekonomi yang boleh memberi kesan kepada orang bukan Islam untuk memeluk Islam (Poston 1992:15 dipetik dalam Badlihisam Mohd Nasir 2003:11-12).

Perpaduan adalah salah satu aspek yang sangat dipentingkan dalam Islam. Perpaduan dikaitkan dengan keimanan sebagaimana Firman ALLah SWT yang telah menjadikan tauhid sebagai asas dalam hubungan etnik (sesama manusia). Firman Allah SWT yang bermaksud

Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu Yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri Yang satu (Adam), dan Yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga Yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan Yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah Yang kamu selalu meminta Dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.
Al-Quran al-Nisa 4:1

Menurut Sayyid Qutb (1993), ayat ini mengingatkan manusia tentang asal-usul kejadian mereka daripada satu ruh dan menanamkan kesedaran bahawa manusia berasal dari manusia yang sama diciptakan Allah, jadi perbezaan dan pertelingkahan mereka harus diselesaikan atas dasar ikatan ini yang menyatukan semua manusia tanpa mengira keturunan, agama, bahasa dan bangsa. Malah keimanan kepada Allah ini akan mengukuhkan lagi keimanan di kalangan orang Islam kerana secara fitrahnya, mereka yang beriman merasakan ikatan persaudaran sesama manusia adalah lebih kukuh berbanding dengan mana-mana ikatan. Oleh itu jika keimanan longgar, manusia akan sewenang-wenangnya melanggar peraturan yang telah ditetapkan dalam agama tentang kesatuan umat. Pelanggaran kepada asas ini akan mencetuskan masalah hubungan antara manusia.

Kepentingan semangat tauhid sebagai asas utama dalam hubungan sosial ini juga dibuktikan oleh teori Ibn Khaldun yang tentang semangat asabiah (semangat kekitaan). Ibn Khaldun (2000 : 144) berpendapat bahawa keimanan (tauhid) menyebabkan orang Islam bersatu menuju ke satu arah iaitu cenderung kepada kebenaran dan mematuhi perintah Allah. Ia akan menghilangkan perasaan cemburu dan menyuburkan perasaan tolong menolong. Ia seterusnya dapat membina sebuah empayar kuat dan hebat.

Jika dilihat dalam konteks Alam Melayu, Islam telah tersebar Usaha dakwah yang dirintis oleh pedagang dari China, India dan Arab⁶⁴ seawal abad ke-7 ini telah berjaya mengislamkan bukan sahaja masyarakat tempatan di Alam Melayu tetapi juga dalam kalangan pemerintah. Antara negeri-negeri yang terawal menerima pengaruh Islam ialah Terengganu, Kedah dan Melaka (A. Samad Ahmad 1979). Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah member iperubahan yang besar kepada kehidupan etnik Melayu. Pengaruh tersebut bukan sahaja melibatkan perubahan daripada aspek penampilan fizikal tetapi juga mempengaruhi falsafah dan pemikiran yang berlandaskan kepada paradigm tauhid (Abd.Rahman Haji Abdullah 1981).

Menurut Profesor Syed Muhamad Naquib al-Attas (1972)

"Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata"

Penyataan ini menunjukkan Islam telah diterima bukan sahaja dalam kalangan pemerintah tetapi juga telah tersebar luas dalam kalangan rakyat. Keadaan iniseharusnya bermaksud, Islam telah berjaya memupuk perpaduan dalam kalangan Etnik Melayu. Walau bagaimanapun adakah situasi ini benar-benar wujud? Oleh itu kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah Institusi kerajaan dalam memupuk perpaduan dalam kalangan Etnik Melayu

Pendekatan Dakwah Institusi Kerajaan Pada Zaman Kesultanan Melayu

Pengaruh yang di bawa oleh Islam telah mendorong Kerajaan Kesultanan Melayu untuk melaksanakan dasar dan sistem pentadbiran negara yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Pelaksanaan ini secara tidak langsung telah memupuk perpaduan dalam kalangan etnik Melayu pada masa itu.

Antaranya adalah peranan dan tanggungjawab sultan sebagai ketua negara yang mengikut asas yang telah digariskan oleh Islam. Abdullah Ishak (192) berpendapat bahawa Kitab *Tajus-Salatin* (1603 M) karya Bukhari al-Jauhari, Kitab *Bustanus-Salatin* (1638 M) oleh Nuruddin Al-Raniri dan *Sulalatus-Salatin* (1612 M) oleh Tun Seri Lanang telah mengulas sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang penguasa atau pemerintah seperti sifat amanah, adil, terbuka, sama rata, beriman dan budiman, lemah-lembut, tidak melanggar hukum Allah dan syari'ah, mengasihi para ilmuwan dan menerima nasihat mereka, mengambil berat keadaan rakyat serta lain-lain. Hasilnya perpaduan dalam kalangan rakyat telah Berjaya dipupuk apabila sultan Berjaya menggembelingkan tenaga seluruh rakyat bagi memperjuang dan mempertahankan ajaran Islam, Negara dan umatnya.

Selain itu usaha untuk kerajaan Melayu Islam berusaha untuk menyebarkan Islam bukan sahaja dalam kalangan rakyat tetapi juga ke negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Penerimaan Islam dalam kalangan pemerintah telah menyaksikan kewujudan beberapa buah negeri Islam di persisiran Alam Melayu yang telah melaksanakan tanggungjawab dakwah Islamiah dengan menyebarkan Islam ke Alam Melayu. Antaranya ialah Kesultanan Melayu Melaka (Badlihisam Mohd Nasir 2003). Kerajaan Melayu Melaka

⁶⁴Silarujuk T.W. Arnold. The Preaching of Islam, S.Q. Fatimi., Islam Comes to Malaysia, Naquib al-Attas. Islam dalam sejarah dan Kebudayaan Melayu

adalah antara kerajaan Melayu yang paling aktif menyebarkan usaha dakwah Islamiah di Alam Melayu pada abad ke-15 melalui penguasaan politik di Alam Melayu. Kerajaan Melayu Melaka telah berjaya menguasai Pahang, Terengganu, Kedah Pattani, Johor, Kelantan, Kampar, Siak, Inderagiri, Siantan, Kepulauan Riau Lingga, Jambi, Pulau Jawa, Demak dan Banjarmasin (Mohd. Jamil Mukmin 2004; Hall 1975). Melalui penaklukan ini Islam telah disebarkan dan diterima baik oleh pemerintah-pemerintah negeri yang ditakluki atas sebab keselamatan nyawa, ingin mendapatkan pangkat, mengambil hati dan yang paling penting ialah kemurnian agama Islam (Mohd. Jamil Mukmin 2004).

Pelaksanaan undang-undang yang berteraskan yang berlandaskan Islam juga telah Kesultanan Melayu Melaka juga telah melaksanakan usaha dakwah melalui pendekatan undang-undang apabila kerajaan telah menggubal undang-undang berdasarkan syaria; Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Walaupun undang-undang ini dianggap telah ditokok tambah dengan adat tempatan ia turut dilaksanakan di negeri-negeri jajahan Kerajaan Melayu Melaka di Pahang, Johor dan Pasai (Shellabear 1982).

Usaha untuk memupuk perpaduan etnik juga dibuktikan apabila istana telah menjadi pusat pengajian dan penyebaran dakwah yang dinaungi oleh sultan (Hall 1975: 259). Sultan Melayu Melaka berguru dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud Syah pula berguru dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud Syah pula berguru dengan Kadi Yusof (Shellabear 1982). Istana Melaka selain berfungsi sebagai institusi pengajian Islam, ia juga menjadi pusat dakwah ulama-ulama dan mubaligh-mubaligh bagi menyebarkan Islam di rantau ini. Di samping itu, istana juga menjadi tempat menterjemahkan dan menyimpan kitab-kitab mengenai Islam (Hall 1975).

Institusi Masjid dijadikan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam. Shellabear (1982) mencatatkan Sultan Muhammad syah (Megar Iskandar Syah) beriktikaf di masjid terutamanya pada malam 27 Ramadhan di samping menunaikan solat tarawih bersama rakyat. Sultan dan pembesar-pembesar juga menghadiri syarahan-syarahan agama di masjid walaupun pembelajaran di masjid lebih memfokuskan kepada rakyat biasa (Mohd. Jamil Mukmin 2004).

Pengislaman telah membawa perubahan bukan sahaja kepada kehidupan beragama masyarakat Melayu tetapi juga menjadi asas kepada perpaduan dalam kalangan orang Melayu tanpa memandang sama ada golongan atasan atau bawahan. Ini kerana, asas ajaran Islam orang Islam bersaudara dan konsep persamaan. Konsep ini sekali gus menolak amalan berdasarkan perbezaan darjat manusia yang diamalkan sistem kasta dalam tradisi pra Islam. Walau bagaimanapun konsep golongan atasan dan bawahan masih diamalkan selepas kedatangan Islam (Badlihisam Mohd Nasir 2003: Means 2009: 25). Menurut Means (2009), pelaksanaan kewajipan dalam amalan agama sangat berkesan dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu. Solat fardu yang dilaksanakan secara terbuka menunjukkan komitmen masyarakat terhadap tanggungjawab agama. Pelaksanaan solat Jumaat secara berjemaah dengan khutbah Jumaat menjadi bukti kepada perpaduan masyarakat dan agama. Di samping keadaan ini, Islam telah membantu sebagai lambang perpaduan antara negeri-negeri Melayu. Negeri telah didaulatkan atas nama Islam dan berdasarkan syaria (Means 1969).

Gullick (1963) berpendapat isi kandungan dakwah yang disampaikan dalam proses dakwah zaman ini, berkaitan dengan ajaran Islam kurang menekankan usaha-usaha membasmi amalan-amalan persoalan-persoalan pra Islam yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Melayu. Terdapat sarjana yang berpendapat bahawa pendekatan ini digunakan bagi memudahkan penerimaan Islam dalam kalangan orang Melayu. Terdapat juga pendapat menyatakan bahawa pendekatan ini diambil kerana Islam yang dibawa ke Alam Melayu ini oleh golongan Ahli Sufi. Justeru, mereka telah membawa bersama beberapa kepercayaan popular dalam pendekatan mistik mereka kepada Islam, ada yang berlandaskan di luar pengajaran ketat monoteisme (Mohd Taib Othman 1980)

Jelaslah, pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pendekatan dakwah dalam memupuk perpaduan dalam kalangan orang Melayu dan negeri-negeri yang disatukan

melalui proses pengislaman. Usaha dakwah ini dapat berkembang dengan pesat kerana peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Melayu yang telah menggunakan pelbagai pendekatan bersesuaian dengan kuasa politiknya.

Pendekatan Dakwah Institusi Kerajaan Pada Zaman Penjajahan

Penjajahan Barat di Tanah Melayu bermula seawal abad ke-16. Bermula dengan penjajahan Portugis pada 1511, Belanda pada tahun 1864 dan British hingga tahun 1957. Walaupun terdapat usaha untuk memurtadkan orang Melayu kepada agama Kristian atas arahan Saint Francis Xavier namun usaha itu tidak berjaya. Antara faktor utama ialah kerana Islam telah menyerap kebudayaan dan adat Melayu dan apa-apa ancaman kepada Islam turut dilihat sebagai cabaran kepada budaya dan adat Melayu (Means 1982).

Kemasukan pengaruh British secara rasmi bermula pada tahun 1874 melalui Perjanjian Pangkor. British telah memperkenalkan sistem penasihat British yang boleh campur tangan dalam semua urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu kecuali dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Pemahaman agama disempitkan sama seperti agama Kristian (Ahmad Ibrahim 1994). Tidak dapat dinafikan, campur tangan ini telah memberi kesan yang sangat mendalam kepada Islam dan perkembangan organisasi dakwah kerajaan. Sistem Residen yang diperkenalkan oleh British telah membatasi bidang kuasa kerajaan negeri sekali gus menghadkan kuasa sultan. Residen berperanan menasihati sultan dalam semua aspek berkaitan dengan pentadbiran negeri kecuali berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu (Gullick 1969). Aturan ini ditegaskan lagi bahawa pengumpulan dan kawalan terhadap pungutan cukai serta pentadbiran umum negeri dilaksanakan di bawah nasihat residen British (Gullick 1969).

British juga telah memperkembangkan konsep sekular ini dalam sistem undang-undang sivil dan undang-undang jenayah dalam seluruh aspek kehidupan kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Hasilnya penggubalan sistem undang-undang Islam yang lebih formal berasaskan kepada statut, akta dan perundangan dalam nuansa Barat yang berbeza dengan keadaan sebelum ini (Andaya and Andaya 2001). Pendek kata, institusi agama formal seperti Majlis dan Jabatan yang diperkenalkan oleh British sebenarnya turut dikawal olehnya. Ini kerana, residen kadang-kadang turut mencampuri pelantikan pegawai agama dari segi pemberian gaji. Secara umumnya, Islam pada zaman hanya sebahagian kecil daripada birokrasi penjajah dan tidak mempunyai kuasa (Sadka 1968).

Langkah yang dilakukan oleh sultan untuk mengukuhkan kuasa mereka dalam hal ehwal agama Islam adalah sebagai usaha untuk menguatkan orang Melayu terhadap perluasan kekuasaan British di Tanah Melayu (Funston 1981: 166). Oleh itu, undang-undang Syariah mula digubal sebagai undang-undang negeri dan semua organisasi Islam negeri telah digabungkan di bawah birokrasi kerajaan. Pada tahun 1915 misalnya, Kelantan adalah negeri yang pertama menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan juga dikenali sebagai Majlis Agama.

Kenyataan bahawa Islam adalah agama rasmi di negeri-negeri Melayu semasa zaman kolonial, tidak bermakna ia memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial orang Melayu. Majlis Agama kekal sebagai organisasi yang tidak teratur dan terletak di tangan pemerintah yang mempunyai kuasa yang sangat terhad. Contohnya, kes-kes sivil Islam terhad pada pertikaian yang melibatkan jumlah RM125 atau kurang manakala kes-kes jenayah, hukuman yang boleh dikenakan tidak lebih daripada RM10. Kesannya perkembangan Islam adalah terbatas pada masa tersebut (Means 1982).

Tambahan pula pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri adalah berbeza. Tetapi secara umumnya pegawai tertingginya ialah mufti yang bertanggungjawab untuk memelihara menjaga hal ehwal Islam berkaitan undang-undang, kepercayaan dan doktrin agama (Means 1982). Mufti juga adalah jawatankuasa yang menasihati sultan yang

merupakan ketua agama mengenai hal-hal berkaitan Islam. Ketua Kadi pula bertanggungjawab mengawal mahkamah syariah dan dibantu oleh kadi yang bertanggungjawab di peringkat daerah. Kadi daerah bertanggungjawab menguruskan berkaitan nikah kahwin, perceraian, pembahagian harta dan undang-undang keluarga. Walau bagaimanapun, bidang kuasa mereka secara tidak langsung masih terikat dengan kuasa residen (Sadka 1968).

Perkara yang sama dinyatakan oleh Mohd Sariman Mustajab (1979), pada dasarnya golongan elit Melayu tradisional yang dikenali sebagai kaum tua adalah ulama pemimpin agama yang berkompromi dan menyesuaikan diri dalam sistem pemerintahan dan pemimpin Melayu. Mereka tidak menggunakan (dakwah Islam (pengajian Islam) untuk mengkritik kedua-dua golongan tersebut. Ini kerana mereka bergantung pada raja-raja bagi pelantikan agama mereka. Mereka juga membantu mentadbir dan mengawal institusi-institusi agama seperti masjid, pondok, majlis agama negeri dan mahkamah syariah.

Walaupun bagaimanapun terdapat usaha menangani masalah hubungan etnik melalui penguatkuasaan undang-undang. Antara statut yang dikenal pasti mengandungi peruntukan berkaitan dengan kesalahan ialah Undang-undang Kesalahan Orang-orang Islam (Muhammedan (Offences) Law. Menurut sejarah, Enakmen Orang-orang Islam, Bab 198 (Muhammedan Laws Enactment, Chapter 198) 1904 telah diperkenalkan di empat buah negeri iaitu Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan (Negeri-negeri Selat). Enakmen ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen (Kesalahan-kesalahan) orang Islam 1937 (Muhammedan (Offences) Enactment 1937). Di Johor pula, tugas penguatkuasaan jenayah syariah telah dimulakan dengan kewujudan Enakmen Kesalahan-kesalahan orang Islam Bil.25/1919. Di Negeri Sembilan ia dinamakan sebagai Arahan Majlis (Kesalahan-kesalahan) Orang Islam 1938, manakala di Selangor Enakmen Kesalahan-kesalahan Orang-orang Islam 1938. Di Kelantan Undang-undang Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi, no 1 Tahun 1953 (Siti Zubaidah Ismail 2010). Pada akhir zaman pemerintahan British, usaha telah dibuat bagi menyatukan semua bahagian undang-undang yang berkaitan dengan Islam dalam satu enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 (Hamidah Jusoh t.t.)

Terdapat catatan sejarah menunjukkan organisasi dakwah kerajaan negeri berperanan dalam menangani masalah hubungan etnik dalam kalangan Orang Melayu. Contohnya, penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor diwujudkan pada 1 Oktober 1945 hasil cadangan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj yang prihatin terhadap nasib rakyat dalam zaman pemerintahan Jepun dan penularan fahaman komunis yang boleh menjejaskan nilai akhlak serta kepercayaan orang Melayu pada masa itu (www.jais.gov.my [21 Februari 2010]).

Pada masa tersebut usaha dakwah untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu telah didominasikan oleh golongan agama bukan kerajaan menentang penjajah Inggeris dan membasmi amalan-amalan bidah khurafat dikenali sebagai Kaum Muda. Usaha Kaum Muda atau reformist ini telah mendapat tentangan daripada Kaum Tua yang mewakili organisasi dakwah kerajaan (Mohd Sarim Haji Mustajab 1979).

Jelaslah, organisasi dakwah kerajaan pada masa sebelum kemerdekaan mempunyai kuasa yang terhad. Peranannya lebih kepada menjaga hal-hal peribadi orang Islam berkaitan dengan urusan perkahwinan, perceraian, harta pusaka, wakaf, mahkamah syariah dan bidang penguatkuasaan yang sangat terhad.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis di atas jelaslah bahawa peranan dakwah institusi kerajaan pada zaman kesultanan Melayu peranan kerajaan lebih besar berbanding dengan peranan dakwah institusi kerajaan pada zaman penjajahan British kerana kuasa politik yang dimiliki.

Campur tangan penjajah British telah menghadkan kuasa politik menyebabkan usaha dakwah untuk memupuk perpaduan orang Melayu terbatas.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak (1992), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, c. 2, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam, Kuala Lumpur
- A. Samad Ahmad. (1979). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. (2002). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka
- Andaya and Andaya. (2001). *A History of Malaysia*. Second Edition. Basingstoke and London: Macmillan.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Badlihisam Mohd Nasir. (2003). *Da'wah and the Malaysian Islamic movement*. Selangor: Synergymate Sdn Bhd.
- Emily Sadka. (1968). *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press
- Gullick. J.M (1963). *Indegineous political System of Western Malays*. London.
- Hall, D.G.E (Ed). (1961). *A Historians of South East Asia*. London: Oxford University Press.
- Hamidah Jusoh (t.th), "Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia" dalam Nasimah Hussinet. *al. Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, hlm. 27-70. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibn Khaldun
- Means G.P. (1969). "The Role of Islam in the Political Development of Malaysia," in *Comparative Politics*. vol. 1, no. 2, , pp. 264-84
- Means, G. P. (1976). *Malaysian politic*. London: Hodder & Stoughton.
- Means, Gordon P. (2009). *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)
- Milner R.S., Hooker M.B. (ed). (1983). *Islam in south East Asia*. Leiden: E.J. Brill.
- Mohd Jamil Mukmin. (2005). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, respons dan perubahan (1957-2000)*. Tesis Dr. Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sarim Mustajab. (1979). "Gerakan Islah Islamiyah," dlm Khoo, Kay Kim & Jazamuddin Baharuddin, *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, hlm. 149-173. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.



Mohd Taib Osman. (1980). Islamisation of the Malays: A Transformation of Culture” in Khoo Kay Kim. *Tamadun Islam Di Malaysia*, hlm. 1-8. Persatuan Sejarah Malaysia: Kuala Lumpur.

Siti Zubaidah Ismail. (2010). Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran. Dlm *Jurnal Syariah*, hlm. 247-276. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Qutb, Sayyid. (2001). *Tafsir fi zilal al-Quran*. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kota Baharu:Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

Shellabar, W.G. (1982). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

www.jais.gov.my